



# LAPORAN AKTIVITI TAHUNAN OLEH SETIAUSAHA

## LAPORAN AKTIVITI BAGI TAHUN 2022

BULAN	PERKARA	TARIKH
<b>MAC</b>	Kempen Kesedaran Kanser & Program "My Pledge Against Cancer"	21 Mac 2022
<b>APRIL</b>	Program Tadarus Al-Quran Bersempena Ramadhan Al-Mubarak	4 April 2022
	Program Edaran Bubur Lambuk Anjuran PWFRIM/PUSPANITA	21 April 2022
	Majlis Khatam Al-Quran	22 April 2022
	Bazaar Raya PWFRIM	26 April 2022
<b>JUN</b>	Program Jelajah Restorasi dan Penanaman Pokok PWFRIM ke SPF Maran, Pahang	23 Jun 2022
	Program Jelajah Restorasi dan Penanaman Pokok PWFRIM ke SPF Pasoh, Negeri Sembilan	30 Jun 2022
<b>OGOS</b>	Persidangan Wanita Selangor 2022	23-25 Ogos 2022
<b>SEPTEMBER</b>	Program Jelajah Restorasi dan Penanaman Pokok PWFRIM ke SPF Bidor, Perak	15 September 2022
	Program Gotong-royong Perdana Penghuni Kwarters dan Badan-badan Sosial FRIM 2022	24 September 2022



# LAPORAN BERGAMBAR AKTIVITI PWFRIM 2022

**KEMPEN KESEDARAN KANSER & PROGRAM "MY PLEDGE AGAINST CANCER"  
– 21 MAC 2022**





MAJLIS KHATAM AL-QURAN – 22 APRIL 2022





BAZAAR RAYA PWFRIM – 26 APRIL 2022





**PERHIMPUNAN BULANAN FRIM BIL 3/2022 DAN MAJLIS HARI RAYA FRIM  
– 30 MEI 2022**







**PROGRAM JELAJAH RESTORASI DAN PENANAMAN POKOK PWFRIM  
KE SPF MARAN, PAHANG – 23 JUN 2022**







**PROGRAM JELAJAH RESTORASI DAN PENANAMAN POKOK PWFRIM  
KE SPF PASOH, NEGERI SEMBILAN – 30 JUN 2022**







# PERSIDANGAN WANITA SELANGOR 2022 – 23-24 OGOS 2022



## PERANAN PERKUMPULAN WANITA FRIM DALAM PEMULIHARAAN HUTAN NEGARA

Liza Ismail, Suharti Samod, Norazian Adam, Suzrina Shamsuddin  
Hasrina Hasnor Kamaruzaman

[Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia, Kepong, Selangor]



### ABSTRAK

PWFRIM adalah sebuah Perkumpulan Wanita di kalangan warga kerja wanita Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia yang telah ditubuhkan sejak IPP (Institut Penyelidikan Perhutanan) wujud di bawah Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia. Penubuhan perkumpulan ini membuktikan kekuatan peranan yang dimainkan oleh warga kerja wanita FRIM bukan sahaja dalam mencapai misi dan visi IPP, malah melambangkan perhubungan muhibah dan menyatupadukan anggota perkhidmatan di semua peringkat perkhidmatan tanpa mengira skim dan grad perkhidmatan. PWFRIM yang dipengerusikan oleh isteri kepada Ketua Pengarah FRIM ditubuhkan bagi menggalakkan perkembangan pengetahuan, kemahiran serta kemajuan diri ahli-ahli menerusi aktiviti-aktiviti di dalam pelbagai bidang termasuk pemuliharaan hutan dan alam sekitar. FRIM yang terlibat secara langsung dalam program Penghijauan Malaysia yang dilancarkan pada 5 Januari 2021 amat menggalakkan penyertaan semua warga FRIM termasuk badan sosial di FRIM untuk bersama-sama dalam aktiviti penanaman pokok. Bagi menyahut seruan ini, PWFRIM telah menganjurkan beberapa siri program berkaitan di stesen penyelidikan luar FRIM atau lebih dikenali sebagai SPF FRIM.

### CADANGAN PENAMBAHBAIKAN

Pelbagai pihak termasuk badan sosial lain di FRIM perlu menyahut seruan Kerajaan untuk menyertai program sebegini di masa akan datang agar usaha pemuliharaan hutan tidak hanya dibebankan kepada penjawat awam dan pihak berwajib yang terlibat.

### OBJEKTIF KAJIAN

meningkatkan pengetahuan ahli tentang jenis pokok dan peranan pokok dalam mengkayakan kawasan berhutan (enrichment planting).

### METODOLOGI

Program penanaman pokok telah dilaksanakan secara bersiri di empat (4) SPF sejak tahun 2021 iaitu pada 25-27 November 2021 di SPF Mata Ayer, Perlis, SPF Selandar, Melaka pada 7 Disember 2021. Manakala pada tahun 2022, program telah diadakan di SPF Maran, Pahang pada 23 Jun 2022, SPF Pasoh, Negeri Sembilan pada 30 Jun 2022. Perancangan program akan diteruskan di SPF Bidor, Perak pada 15 September 2022.

### DAPATAN KAJIAN

Seramai 79 ahli PWFRIM telah terlibat dalam program penanaman pokok di empat (4) SPF FRIM. Sejumlah 242 pokok telah ditanam iaitu dari spesies Resak Daun Panjang, Belian, Keruing Cogan, Merawan Jangkang, Damar Hitam Siput Besar, Balau Sengkawang Ayer, Merawan Ungu, Giam Melukut, Resak Ranting Kesat, Kapur Borneo, Merawan Sipun Jantan, Tongkat Ali, Meranti Tembaga, Kekatong, Sepetir Daun Nipis, Penaga Lilin, Merbau, Meranti Tembaga, Melaka, Meranti Sarang Punai, Karas, Balau Kumus Hitam, Kasai, Sentul dan Salam.



### KESIMPULAN KAJIAN

Melalui program ini, usaha pemuliharaan hutan dapat dilaksanakan dengan berkesan selari dengan hasrat Kerajaan yang menasaskan penanaman 100 juta pokok menjelang tahun 2025.

RUJUKAN: LAMAN WEB FRIM

PENGHARGAAN: KETUA PENGARAH FRIM





**PROGRAM JELAJAH RESTORASI DAN PENANAMAN POKOK PWFRIM  
KE SPF BIDOR, PERAK – 15 SEPTEMBER 2022**





**PROGRAM GOTONG-ROYONG PERDANA PENGHUNI KUARTERS DAN  
BADAN-BADAN SOSIAL FRIM, 24 SEPTEMBER 2022**





